

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JUNE 2016

Kabinet dan ketentuan politik



**ZULKIFLI
JALIL**

pengarang@utusan.com.my

PENDIRIAN politik seseorang penting dalam pelantikan jawatan menteri. Seseorang ahli politik yang lembab, tidak berwibawa serta tidak mempunyai keistimewaan khusus, boleh menganggap dirinya 'dilangkaui' oleh kepimpinan.

Maksud 'oleh kepimpinan' di sini bermakna Perdana Menteri sebelum membentuk Kabinet atau membuat rombakan akan mengimbas jauh, untuk mencari muka-muka dan bakat baharu yang sesuai dengan keperluan tertentu dalam kerajaan beliau.

Kelayakan khas dan keupayaan berkomunikasi dengan baik dan menyusun organisasi atau kemahiran lain - semua ini menjadi relevan dalam menggunakan peluang itu untuk dipilih dan dilantik sebagai menteri.

Yang paling utama, seseorang itu mesti disukai oleh Perdana Menteri untuk menjadi salah seorang menteri beliau. Jika Perdana Menteri tidak suka pada kelakuan atau pendirian politik anda mengenai isu-isu tertentu, maka kemungkinan untuk dipilih amat tipis.

Jika anda menentang dasar Perdana Menteri secara terbuka, perkara logik seterusnya adalah meletak jawatan.

Ini seperti apa berlaku pada 1987 terhadap Tengku Razaleigh Hamzah dan hampir separuh anggota Kabinet dari Team B yang meninggalkan UMNO dan meletak semua jawatan menteri yang disandang berikutan peristiwa menentang Team A diterajui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pembentukan Team B adalah kali pertama UMNO menghadapi perpecahan terbesar dalam sejarah parti itu. Tetapi pada masa sama, Dr. Mahathir telah bersiap sedia dengan sistematiknya untuk mengasuh nilai-nilai baharu termasuklah Datuk Seri Anwar Ibrahim, dulunya pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), yang sehingga kini menentang kerajaan.

Politik boleh diumpamakan



NAJIB TUN RAZAK ketika mengumumkan rombakan Kabinet di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, kelmarin. - BERNAMA



ANWAR IBRAHIM



GHAZALI SHAFIE



AHMAD HUSNI

sebagai ikatan perkahwinan. Selepas keretakan berlaku, setiap tingkah laku dicurigai dan menimbulkan persoalan daripada kedua-dua pihak.

Ini juga yang terjadi antara Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya sebelum ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pada masa lalu, perbezaan pendapat di antara pemimpin 2-M yang terdiri daripada Dr. Mahathir dan (Tan Sri) Musa Hitam disusuli perletakan jawatan Musa sebagai timbalan kepada Dr. Mahathir pada 1986. Ini berikutan apa yang dikatakan oleh Musa, *irreconcilable differences* (pertelingkahan yang tidak mungkin berbaik) berkenaan hal-hal dasar dan kepimpinan.

Jangan dilupakan bahawa nasib dan ketentuan masa adalah penting. Terdapat banyak personaliti masa lalu mempunyai keupayaan untuk menjadi pemimpin muktamad tetapi disebabkan nasib tidak menyebelahi, mereka terpaksa berhenti pada satu tahap dalam kerjaya mereka. Akhirnya mereka ter-

golong dalam kumpulan yang biasa.

Allahyarham Tun Ghazali Shafie atau King Ghaz melonjak dari peringkat bawah perkhidmatan awam dan diplomatik. Beliau dikagumi sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar. Kemudian dilantik oleh Tun Abdul Razak sebagai Menteri Luar yang ranggi dan pada akhir 1970-an sebagai Menteri Dalam Negeri yang sangat digeruni dalam kerajaan Tun Hussein Onn (1976-1981).

Hussein tidak menyembunyikan pilihan beliau terhadap King Ghaz yang boleh pergi lebih tinggi dalam hierarki parti dan kerajaan. Tetapi King Ghaz bukan Naib Presiden UMNO. Oleh yang demikian beliau tidak mendapat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Sebaliknya yang mendapat jawatan nombor dua untuk berketuakan Hussein ialah Dr. Mahathir, salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO pada 1976. Dan beliau bukanlah orang yang mendapat undian

paling tinggi dalam kalangan naib presiden.

Dalam kes Tengku Razaleigh dan Musa, ramai menganggap mereka sebagai bakal Perdana Menteri tetapi entah bagaimana telah terhenti di landasan dalam perjalanan mereka mendaki tangga kemuncak politik.

Anwar, ialah contoh klasik bagaimana sebelah kaki sudah memasuki Seri Perdana. Siapa sangka selepas menewaskan Tun Ghafar Baba yang sudah berumur sebagai Timbalan Presiden UMNO pada 1993, nasib malang akan menimpa beliau pada kemuncak kerjayanya?

Periang, petah berkata-kata dan tajam. Berduyun-duyun datang untuk mendengar beliau bercakap. Sepanjang tempoh 16 tahun, Dr. Mahathir mendidik beliau untuk kedudukan yang lebih besar.

Daripada menjadi anggota pentadbiran pada 1982 sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hingga ke puncak yang tinggi sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1993.

Anwar ialah cerita teladan bagi mereka yang tahu mengikut jejak untuk mendaki tangga kegemilangan politik.

Penggantungan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal sebagai Naib Presiden UMNO yang dulunya Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan peletakan jawatan secara mengejut Menteri Kewangan II sebelum ini, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah antara liku-liku cabaran dalam politik.